



KEMENTERIAN  
KOMUNIKASI DAN DIGITAL  
**SIARAN MEDIA**

---

## MAJLIS PELANCARAN “RUNHACK: SCAM ALERT! 2023”

**CYBERJAYA (7 November 2023)** – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber dengan kerjasama Synapze Sdn Bhd serta sokongan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) hari ini mengadakan **Majlis Pelancaran “RUNHACK: SCAM ALERT! 2023”**. Majlis disempurnakan oleh YB Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital.

Program berkonsepkan larian santai sejauh lima (5) kilometer ini merupakan salah satu inisiatif bagi menyokong usaha mendidik dan menyampaikan mesej-mesej mengenai jenayah penipuan dalam talian dan scam kepada orang ramai. Ia turut menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran mengenai modus operandi pelbagai jenis scam termasuk mempelajari tips pencegahan bagi mengelak daripada menjadi mangsa scam.

“RUNHACK: SCAM ALERT! 2023” akan diadakan di perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 3 Disember 2023 (Ahad), bermula jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang. Program menyasarkan 2,000 peserta dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk penyertaan berkeluarga, manakala penyertaan kanak-kanak berumur 12 ke bawah adalah percuma. Para peserta yang berjaya menamatkan larian akan menerima pingat larian, jersi “Run Hack” (dewasa sahaja), beg bertali serta pek makanan ringan.

Di sepanjang larian, para peserta akan melalui beberapa ‘checkpoint’, di mana mereka akan melakukan aktiviti bagi menguji tahap kesedaran serta kefahaman mereka tentang isu-isu berkaitan penipuan dalam talian dan scam. Selain larian, terdapat juga karnival yang menyediakan gerai-gerai pameran, juadah makanan dan minuman sihat, hiburan di pentas utama serta beberapa reruai foto untuk pengunjung melakukan swafoto. Untuk menyertai “RUNHACK: SCAM ALERT! 2023”, orang ramai boleh menghubungi Encik Izham di talian +6012 3024231 atau ke pautan pembelian tiket di <http://t2u.asia/e/32615>

---

Dikeluarkan bersama oleh:

**Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia dan Synapze Sdn Bhd**



Dari Kiri: Lt Kol Mustaffa Ahmad, Naib Presiden Kanan Bahagian Outreach & Pemabngunan Kapasiti; Faidz Sanusi ,Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Stadium Malaysia ; Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia; YB Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital; ACP Lai Lee Ching, Ketua Penolong Pengarah (Perancangan Strategik) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (PDRM); serta Pengarah Synapze Sdn. Bhd., Andrew Tai.